

## KEBERKESANAN PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENSYARAH POLITEKNIK. DITINJAU DARI PERSPEKTIF PENSYARAH PEMANTAU DAN PELAJAR

Mohamed Hamdan Bin Mohamad Ibrahim  
Mohd Zamri Bin Mohd Zin  
Amin Zakuan Bin Mohamad Ibrahim

### ABSTRAK

*Kajian ini adalah kajian yang objektifnya adalah untuk meninjau tahap keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Politeknik daripada perspektif pensyarah pemantau dan juga pelajar. Semua pensyarah daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Ungku Omar adalah diambil sebagai sampelnya dan data-data daripada skor markah penilaian PdP pensyarah yang diperolehi daripada proses pemantauan dan penilaian PdP pensyarah oleh pensyarah pemantau dilantik yang menggunakan borang Instrumen Pemantauan Pengajaran & Pembelajaran (P&P) Politeknik Malaysia dan juga proses penilaian PdP pensyarah oleh pelajar yang dilakukan secara atas talian menggunakan sistem iPUO. Data-data penilaian PdP pensyarah tersebut diambil untuk dua sesi pengajian iaitu sesi Disember 2016 dan juga sesi Jun 2017. Dapatan daripada kajian adalah menunjukkan wujudnya skor markah penilaian PdP yang hampir sama oleh pensyarah pemantau dan oleh pelajar, walaupun ianya adalah pemberian skor daripada kategori individu yang berbeza. Ini menjelaskan wujudnya perspektif yang sama antara pensyarah pemantau dan pelajar dalam menilai tahap keberkesanan proses PdP oleh pensyarah. Daripada dapatan kajian, maka didapati bahawa sama ada penilaian PdP pensyarah dilakukan oleh pensyarah pemantau yang dilantik dengan menggunakan borang Instrumen Pemantauan Pengajaran & Pembelajaran (P&P) Politeknik Malaysia ataupun yang dilakukan oleh pelajar yang dilaksanakan secara atas talian menggunakan sistem iPUO, tiada terdapat pebezaan markah yang besar jika dibandingkan antara keduanya dalam setiap sesi pengajian yang telah dinyatakan. Ini menjelaskan terdapatnya kesamaan dari sudut pandangan antara pensyarah pemantau dan juga pelajar berkenaan dengan tahap keberkesanan proses PdP yang telah dilaksanakan oleh pensyarah di jabatan terbabit. Dengan melihat kepada purata markah skor yang telah diberikan oleh kedua kategori penilai PdP pensyarah tersebut maka dapat dinyatakan bahawa secara umumnya menjelaskan tahap keberkesanan PdP adalah berada dalam keadaan baik dan memuaskan daripada kedua-dua perspektif tersebut.*

Kata kunci: pensyarah, pelajar, pengajaran dan pembelajaran (PdP).

### 1.0 PENGENALAN

Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan aktiviti utama di sesebuah institusi pendidikan. Pendidik adalah salah satu elemen yang penting di mana-mana institusi pendidikan di mana pengajaran yang berkesan yang dilaksanakan oleh para pendidik ini adalah satu kunci utama bagi meningkatkan pencapaian institusi pendidikan tersebut (Ko et al., 2014). Pendidik adalah tonggak utama kepada kecemerlangan pelajar (Darus et al., 2013). Menurut Tamuri dan Haji Nor (2015), pendidik adalah pihak yang paling penting dalam pelaksanaan mana-mana sistem pendidikan. Ini adalah disebabkan para pendidik tersebut sebagai pihak yang terlibat dalam melaksanakan proses PdP. Justeru ini menjadikan proses PdP sebagai suatu yang penting bagi melahirkan para graduan yang berkualiti. Pengajaran ialah satu proses yang kompleks yang memerlukan kepelbagaian gabungan aktiviti di antara guru dan pelajar jika sesuatu proses pembelajaran itu ingin berjaya (Puteh, 2008). Pembelajaran pula adalah satu proses atau aktiviti interaksi antara pendidik dengan pelajar yang dilakukan secara sedar dan terancang, baik di dalam atau di luar ruangan untuk meningkatkan kemampuan pelajar (Afandi et al., 2013). PdP dilaksanakan adalah bertujuan untuk mendapatkan ilmu, dan diarusperdana ini, pendekatan dan kaedahnya adalah sentiasa berubah (Md. Nawi, 2011). Kepentingan keberkesanan proses PdP ini tidak dapat dinafikan dalam melahirkan generasi yang mampu memberi sumbangan kepada pembangunan negara bangsa. Bagi mencapai matlamat dalam sesuatu pengajaran maka kaedah pengajaran yang berkesan dan sesuai adalah aspek yang perlu diberikan perhatian kerana ia merupakan penggerak hubungan dua hala yang saling pengaruh-mempengaruhi di antara guru dan pelajar (Tamuri dan Haji Nor, 2015). Tahap kualiti PdP yang baik akan mampu memperbaiki dan mempertingkatkan mutu pendidikan (Johari dan Ahmad Rashid, 2016). Pendidik yang ingin mencapai objektif-objektif pengajarannya perlu melaksanakan proses pengajaran dengan menggunakan strategi yang bersesuaian (Ee, 1992). Strategi dan perancangan PdP yang baik yang dapat membekalkan pengalaman pembelajaran yang berkualiti yang dialami oleh pelajar akan membolehkan pelajar tersebut dapat berfikir berkenaan dengan konsep dan proses yang perlu mereka alami semasa sesi PnP (Darus et al., 2013). Dalam kegiatan PdP, kewujudan komunikasi dalam dua hala antara guru dengan pelajar akan melahirkan suasana pembelajaran yang kondusif (Afandi et al., 2013).

### 1.1 Pernyataan Masalah

Tidak semua para pendidik mampu untuk memberikan sesi PdP yang berkesan kepada pelajar mereka dalam setiap masa. Menjadi seorang pendidik yang berkualiti yang mampu memberikan PdP yang berkesan adalah bukanlah suatu perkara yang mudah (Jasmi et al., 2012). Pengetahuan tidak mudah untuk ditransmisi secara terus kepada pelajar tetapi perlu dihasilkan melalui komunikasi dua hala antara pensyarah dan pelajar (Halili et al., 2011). Guru yang pandai mendidik akan memudahkan pelajar memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, manakala guru yang tidak pandai mendidik atau mengajar akan menyebabkan pelajar sukar untuk memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, malah ianya akan menyebabkan pengajaran guru tersebut membosankan dan seterusnya akan memberi kesan negatif kepada tumpuan pelajar dalam pelajarannya dan minatnya terhadap pelajaran tersebut dan ini juga menyebabkan pelajar-pelajar tidak mahu untuk hadir ke kelas (Marzuki, 2005). Dalam proses PdP, para pendidik

adalah bebas untuk memilih pelbagai jenis kaedah dan pendekatan yang sesuai dan disukai atau diminati kerana tiada satu kaedah yang dikatakan terbaik atau lebih sesuai untuk sesuatu mata pelajaran atau modul sahaja (Tamuri dan Haji Nor, 2015). Justeru dengan itu penyelidik berpendapat bahawa amalan PdP bagi sesuatu modul di suatu institusi pendidikan perlu dikaji bagi mengetahui tahap keberkesanannya bagi memudahkan pihak yang terlibat merancang dan mengambil tindakan yang perlu sebagai langkah penambahbaikan dalam sesi PdP.

## 1.2 Objektif Kajian

Banyak pernyataan-pernyataan daripada penyelidik terdahulu berkenaan dengan kepentingan kepada amalan PdP berkesan di kalangan pendidik yang mana ini memainkan peranan penting dalam melahirkan anak bangsa yang mampu bersaing di peringkat global. Justeru apakah cabaran ini mampu digalas oleh pendidik-pendidik di peringkat pengajian tinggi? Apakah amalan PdP semasa bagi sesuatu matapelajaran itu dapat memberikan PdP yang berkesan, berjaya menarik minat pelajar untuk belajar dan seterusnya mampu untuk meningkatkan prestasi pelajar yang terlibat? Justeru objektif kajian ini melihat keberkesanan PdP yang dilaksanakan oleh pensyarah-pensyarah dari sudut pandang pensyarah yang bertanggungjawab dalam memantau aktiviti PdP tersebut dan juga pelajar-pelajar yang terlibat dalam proses PdP yang dijalankan itu.

## 1.3 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah meliputi semua pensyarah yang bertugas di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Ungku Omar (JKM PUO) yang melaksanakan aktiviti PdP dalam dua sesi pengajian iaitu sesi Disember 2016 dan sesi Jun 2017.

## 2.0 KAJIAN LITERATUR

Md. Johan dan Nong Chik (2011) dalam kajiannya melihat bahawa pensyarah merupakan watak yang amat penting bagi menentukan kejayaan sesuatu sistem pelajaran. Ini adalah disebabkan pensyarah merupakan nadi kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Mohamad Saad et al. (2016), pencapaian akademik pelajar didapati mempunyai hubungan yang lemah namun tetap signifikan dengan peranan guru yang terlibat secara langsung dalam proses bimbingan dan pemudahcara kepada pelajar di dalam kelas. Justeru usaha yang dilakukan oleh guru bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan di dalam kelas akan dapat membangkitkan semangat dan motivasi pelajar untuk belajar dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik mereka. Ini selari dengan apa yang dinyatakan oleh Ishak et al. (2013), di mana ianya menyebutkan bahawa keupayaan pengajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan mengimplimentasikan aspek penambahbaikan khususnya meningkatkan kualiti dalam PdP di institusi pendidikan adalah sangat penting. Namun begitu, menurut Abd. Ghani dan Mohd Arshad (2010), kecemerlangan yang tinggi dalam akademik dan pengetahuan yang luas dalam bidang bukanlah faktor penentu kecemerlangan pengajaran seseorang pensyarah. Atas sebab itu beliau berpendapat banyak kursus-kursus dan latihan pedagogi diberikan kepada pensyarah bagi meningkatkan kualiti PdP mereka. Tang dan Lim (2002) pula menekankan bahawa pelajar berhak untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti dan telah menjadi kewajipan institusi pendidikan untuk menjamin kualiti kursus dan program yang ditawarkan. Tang dan Lim (2002) juga menambah bahawa penilaian keberkesanan proses PdP oleh pelajar adalah pendekatan utama bagi mengukur kualiti proses PdP oleh pensyarah manakala Abd. Ghani dan Mohd Arshad (2010) pula menyebutkan adalah penting untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap pensyarah yang mengajarnya bagi menilai keberkesanan pengajaran pensyarah terhadap pembelajaran pelajar terbabit.

## 3.0 METODOLOGI

### 3.1 Pengenalan

Methodologi kajian adalah melibatkan pengumpulan data-data yang diperolehi melalui penilaian PdP pensyarah yang meliputi dua sesi pengajian di JKMPUO iaitu sesi Disember 2016 dan juga sesi Jun 2017. Dalam setiap sesi pengajian tersebut adalah melibatkan dua jenis penilaian PdP pensyarah iaitu penilaian PdP oleh pemantau yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah tertentu yang telah dijadualkan untuk melaksanakan penilaian dan pemantauan tersebut dan juga penilaian PdP pensyarah oleh pelajar di jabatan tersebut dalam tempoh tertentu yang ditetapkan. Penilaian PdP tersebut adalah tertakluk kepada semua pensyarah yang bertugas di JKMPUO termasuklah Ketua Jabatan (KJ) dan Ketua Program (KP). Ini adalah tidak termasuk pensyarah yang bercuti tanpa gaji dan juga bercuti menyambung pengajian. Manakala pensyarah wanita yang mengambil cuti bersalin, penilaian PdP mereka adalah dilaksanakan pada sebelum ataupun selepas tempoh cuti tersebut.

### 3.2 Persampelan

Untuk pengajian sesi Disember 2016, semua penilaian PdP pensyarah yang telah dilaksanakan adalah melibatkan 117 orang pensyarah yang dipantau oleh 62 orang pensyarah pemantau manakala untuk pengajian sesi Jun 2017 pula, seramai 114 orang pensyarah adalah terlibat dalam penilaian PdP pensyarah tersebut di mana ianya membabitkan 64 orang pensyarah pemantau. Bilangan pensyarah ini merupakan semua pensyarah yang terdapat dalam JKMPUO pada sesi pengajian berkenaan. Dalam kedua-dua sesi pengajian yang telah dinyatakan itu, pada setiap penilaian PdP pensyarah oleh pelajar pula adalah melibatkan sekurang-kurangnya 50% bilangan pelajar dalam setiap kelas yang telah ditentukan adalah perlu untuk memberikan maklumbalas dalam penilaian PdP pensyarah tersebut. Pada pengajian sesi Disember 2016, bilangan kelas yang memberi maklumbalas penilaian adalah 40 yang melibatkan 45 jumlah kursus. Ini diikuti pula juga sebanyak 40 bilangan kelas yang membabitkan 50 jumlah kursus adalah terlibat untuk memberi maklumbalas dalam penilaian PdP pensyarah pada sesi pengajian Jun 2017.

### 3.3 Instrumen dan tatacara pemerolehan maklumat kajian

Penilaian PdP pensyarah yang dilaksanakan oleh pensyarah pemantau bagi kedua-dua sesi pengajian adalah dengan menggunakan borang Instrumen Pemantauan Pengajaran & Pembelajaran (P&P) Politeknik Malaysia yang menempatkan skor markah untuk 5 domain utama seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Domain pemantauan pensyarah**

Item	Perkara
Domain 1	Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran
Domain 2	Instruksional
Domain 3	Kompetensi dan Profesionalisma Pensyarah
Domain 4	Pengurusan dan Kawalan Kelas
Domain 5	Pemeriksaan Penggunaan Bahasa Inggeris Dalam Penyampaian PdP

Sumber: Garis Panduan Pemantauan Pengajaran dan Pembelajaran Edisi 2015 (Jabatan Pengajian Politeknik KPM, 2015)  
Pensyarah pemantau ditugaskan untuk memberikan skor markah berdasarkan pemerhatian masing-masing pada setiap domain dalam setiap penilaian PdP pensyarah ini berdasarkan peratusan tertentu iaitu Domain 1, 10%, Domain 2, 55%, Domain 3, 15%, Domain 4, 5% dan Domain 5, 15% dan ini memberikan keseluruhan skor dalam jumlah 100%. Untuk kedua-dua sesi pengajian tersebut, penilaian PdP pensyarah oleh pensyarah pemantau dapat disempurnakan dalam tempoh 9 minggu. Penilaian PdP pensyarah oleh pelajar pula adalah dilaksanakan secara atas talian dengan menggunakan sistem iPUO. Setiap pelajar perlu memberi maklumbalas berdasarkan 11 item aspek atau soalan di mana ianya melibatkan penggunaan 5 kategori skor Skala Likert. Aspek atau soalan yang berkaitan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 manakala skor Skala Likert pula adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

**Jadual 2: Item aspek**

Bil	Aspek
1	Pensyarah melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara terancang dan tersusun.
2	Pensyarah memaklumkan hasil pembelajaran dengan jelas.
3	Pengajaran pensyarah berjaya meningkatkan pengetahuan saya.
4	Bahan Bantu Mengajar yang digunakan membantu meningkatkan kefahaman saya.
5	Kerja kursus dan soalan yang dikemukakan oleh pensyarah merangsang pemikiran kreatif dan inovatif saya.
6	Pensyarah memberi maklumbalas terhadap penilaian kerja kursus saya dalam tempoh yang sesuai.
7	Pensyarah memberi peluang kepada pelajar untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P).
8	Pensyarah bertindak secara profesional dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (P&P).
9	Pensyarah sentiasa menampilkan perwatakan positif yang boleh dicontohi.
10	Pensyarah sentiasa memastikan persekitaran pengajaran dan pembelajaran (P&P) adalah kondusif dan selamat.
11	Pensyarah menggunakan Bahasa Inggeris yang mudah difahami sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Sumber: Garis Panduan Pemantauan Pengajaran dan Pembelajaran Edisi 2015 (Jabatan Pengajian Politeknik KPM, 2015).

**Jadual 3: Skala Likert**

Skor	Pilihan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Agak Setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Sumber: Garis Panduan Pemantauan Pengajaran dan Pembelajaran Edisi 2015 (Jabatan Pengajian Politeknik KPM, 2015).

### 4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Melalui pemantauan pensyarah bagi PdP yang dilaksanakan oleh pensyarah pemantau yang dilantik, keputusan penilaiannya untuk sesi Disember 2016 adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4 dan untuk sesi Jun 2017 pula adalah ditunjukkan dalam Jadual 5.

**Jadual 4: Bilangan pensyarah yang memperolehi skor markah mengikut domain sesi Disember 2016**

Domain	Jumlah Skor	Bilangan Pensyarah Yang Memperolehi Peratusan Skor					Jumlah	
		<50%	50-59%	60-69%	70-79%	80-89%		90-100%
Domain 1	10	-	-	-	-	11	106	117
Domain 2	55	-	-	-	1	65	51	117
Domain 3	15	-	-	-	-	39	78	117
Domain 4	5	-	-	-	-	41	76	117
Domain 5	15	-	-	3	6	85	23	117

**Jadual 5: Bilangan pensyarah yang memperolehi skor markah mengikut domain sesi Jun 2017**

Domain	Jumlah Skor	Bilangan Pensyarah Yang Memperolehi Peratusan Skor					Jumlah	
		<50%	50-59%	60-69%	70-79%	80-89%		90-100%
Domain 1	10	-	-	-	-	5	109	114
Domain 2	55	-	-	-	-	61	53	114
Domain 3	15	-	-	-	-	30	84	114
Domain 4	5	-	-	-	1	29	84	114
Domain 5	15	-	-	3	12	83	16	114

Melalui domain 1, dapat dinyatakan bahawa kebanyakan pensyarah berada dalam persediaan yang amat baik untuk melaksanakan PdP. Kesan daripada itu menyebabkan secara umumnya pensyarah telah dapat melaksanakan sesi PdP yang baik kepada pelajar apabila merujuk kepada penilaian dalam domain 2 dan domain 4. Dengan menggunakan pecahan peratusan yang sama dengan Jadual 4 dan 5, keputusan penilaian pensyarah oleh pelajar bagi sesi Disember 2016 dan sesi Jun 2017 adalah ditunjukkan dalam Jadual 6, manakala perbandingan skor markah pegawai atau pensyarah pemantau dengan pelajar bagi penilaian PdP pensyarah dalam kedua-dua sesi pengajian tersebut adalah ditunjukkan pula dalam Jadual 7.

**Jadual 6: Bilangan pensyarah yang memperolehi skor markah dalam penilaian PdP oleh pelajar**

Sesi Pengajian	Bilangan Pensyarah Yang Memperolehi Peratusan Skor					Jumlah	
	<50%	50-59%	60-69%	70-79%	80-89%		90-100%
Dis 2016	-	-	-	2	60	55	117
Jun 2017	-	-	-	2	59	53	114

**Jadual 7: Perbandingan skor markah dalam penilaian PdP antara pegawai pemantau dengan pelajar**

Sesi Pengajian	Skor Pegawai Pemantau			Skor Pelajar		
	Terendah	Purata	Tertinggi	Terendah	Purata	Tertinggi
Dis 2016	82.00	89.91	97.00	74.36	89.41	97.88
Jun 2017	85.00	90.36	97.00	74.36	89.39	97.88

Dengan merujuk kepada Jadual 6, didapati secara umumnya skor markah penilaian PdP pensyarah oleh pelajar bagi kedua-dua sesi pengajian tidak mengalami perbezaan yang ketara di mana kebanyakannya memberi markah antara 80-89%. Melalui Jadual 7 pula, didapati tidak terdapatnya julat skor markah yang besar yang diberikan oleh pegawai atau pensyarah pemantau dan skor markah yang diberikan oleh pelajar yang mana secara umumnya kedua-dua kategori tersebut memberikan markah purata 89% dalam penilaian PdP pensyarah.

## 5.0 KESIMPULAN

Daripada dapatan kajian, maka didapati bahawa sama ada penilaian PdP pensyarah dilakukan oleh pensyarah pemantau yang dilantik dengan menggunakan borang Instrumen Pemantauan Pengajaran & Pembelajaran (P&P) Politeknik Malaysia ataupun yang dilakukan oleh pelajar yang dilaksanakan secara atas talian menggunakan sistem iPUO, tiada terdapat perbezaan markah yang besar jika dibandingkan antara keduanya dalam setiap sesi pengajian yang telah dinyatakan. Ini menjelaskan terdapatnya kesamaan dari sudut pandangan antara pensyarah pemantau dan juga pelajar berkenaan dengan tahap keberkesanan proses PdP yang telah dilaksanakan oleh pensyarah di jabatan terbabit. Dengan melihat kepada purata markah skor yang telah diberikan oleh kedua kategori penilai PdP pensyarah tersebut maka dapat dinyatakan bahawa secara umumnya menjelaskan tahap keberkesanan PdP adalah berada dalam keadaan baik dan memuaskan daripada kedua-dua perspektif tersebut.

## RUJUKAN

- Abd. Ghani, F. & Mohd Arshad, Z. (2010). Profil tret personaliti pensyarah yang cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan sistem penilaian pengajaran pensyarah (PPP). Retrieved from [http://eprints.utm.my/id/eprint/10603/1/PROFIL\\_TRET\\_PERSONALITI\\_PENSYARAH\\_YANG\\_CEMERLANG\\_DALAM\\_PENGAJARAN\\_DAN\\_PEMBELAJARAN\\_BERDASARKAN\\_SISTEM\\_PENILAIAN.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/10603/1/PROFIL_TRET_PERSONALITI_PENSYARAH_YANG_CEMERLANG_DALAM_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN_BERDASARKAN_SISTEM_PENILAIAN.pdf)
- Afandi, M., Chamalah, E. & Wardani, O. P. (2013). *Model dan metode pembelajaran di sekolah*. UNISSULA Press: Semarang.
- Darus, F., Mohd Saat, R. & Zakaria, A. R. (2013). Transformasi Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Mengenai Kemahiran Membuat Hipotesis Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(3), 47-57.
- Ee A. M. (1992). *Pedagogi : Satu Pengenalan*. Fajar Bakti : Petaling Jaya
- Halili, S. H, Sulaiman, S. & Abd. Rashid, M. R. (2011). Keberkesanan Proses Pembelajaran Menggunakan Teknologi Sidang Video. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36 (1), 55-65.
- Ishak, R., A.Ghani, M. F. & Siraj, S. (2013). Amalan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Sekolah Berprestasi Tinggi. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(2), 52-60.
- Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Garis Panduan Pemantauan Pengajaran dan Pembelajaran Edisi 2015*. Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital Jabatan Pengajian Politeknik: Putrajaya.

- Jasmi, K. A., Ibrahim, N. & Ilias, M. F. (2012). Gaya Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012)*, 211-223. Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/293097722\\_Gaya\\_Pengajaran\\_Guru\\_dalam\\_Pengajaran\\_dan\\_Pembelajaran\\_Pendidikan\\_Islam](https://www.researchgate.net/publication/293097722_Gaya_Pengajaran_Guru_dalam_Pengajaran_dan_Pembelajaran_Pendidikan_Islam).
- Johari, M. & Ahmad Rashid, R. A. (2016). Hubungan Kualiti Penyeliaan Pengajaran Dengan Efikasi Kendiri Guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(3), 1-16.
- Ko, J., Sammons, P. & Bakkum, L. (2014). *Effective teaching*. Berkshire: Education Development Trust.
- Marzuki, S. (2005). Amalan Pengajaran Guru yang Berkesan: Kajian di beberapa Sekolah Menengah di Malaysia. Retrieved from <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminarpapers/2005/shahrilUM.pdf>
- Md. Johan, O. & Nong Chik, S. A. (2011). Penilaian Pengajaran Pensyarah Program Kemahiran Hidup, Fakulti Pendidikan, UTM. Berdasarkan Persepsi Pelajar 4 SPH (Perdana). Retrieved from [http://eprints.utm.my/id/eprint/11895/1/Penilaian\\_Pengajaran\\_Pensyarah\\_Program\\_Kemahiran\\_Hidup.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/11895/1/Penilaian_Pengajaran_Pensyarah_Program_Kemahiran_Hidup.pdf)
- Md. Nawi, N. H. (2011). Pengajaran dan pembelajaran; penelitian semula konsep-konsep asas menurut perspektif gagasan islamisasi ilmu moden. *Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011, Pulau Pinang*, 1-15. Retrieved from [https://www.academia.edu/6445964/Kongres\\_Pengajaran\\_dan\\_Pembelajaran\\_UKM\\_2011\\_1\\_PENGAJARAN\\_DAN\\_PEMBELAJARAN\\_PENELITIAN\\_SEMULA\\_KONSEP-KONSEP\\_ASAS\\_MENURUT\\_PERSPEKTIF\\_GAGASAN\\_ISLAMISASI\\_ILMU\\_MODEN\\_1](https://www.academia.edu/6445964/Kongres_Pengajaran_dan_Pembelajaran_UKM_2011_1_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN_PENELITIAN_SEMULA_KONSEP-KONSEP_ASAS_MENURUT_PERSPEKTIF_GAGASAN_ISLAMISASI_ILMU_MODEN_1)
- Mohamad Saad, N., Baharuddin, J. & Ismail, S. N. (2016). Hubungan Antara Tahap Kompetensi Fungsional Guru Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Di Sekolah Menengah Di Negeri Kelantan. *Proceeding of ICECRS*, 1, 199-208.
- Puteh, A. (2008). Proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah luar bandar: Satu kajian di Kubang Pasu, Kedah. Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/283274408\\_PROSES\\_PENGAJARAN\\_DAN\\_PEMBELAJARAN\\_DI\\_SEKOLAH-SEKOLAH\\_LUAR\\_BANDAR\\_SATU\\_KAJIAN\\_DI\\_KUBANG\\_PASU\\_KEDAH](https://www.researchgate.net/publication/283274408_PROSES_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN_DI_SEKOLAH-SEKOLAH_LUAR_BANDAR_SATU_KAJIAN_DI_KUBANG_PASU_KEDAH)
- Tamuri, A. H. & Haji Nor, S. M. (2015). Prinsip Pembelajaran Aktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan*, 3(2), 28-42.
- Tang, S. M. & Lim, K. T. (2002). Hubungan Antara Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Dengan Kepuasan Pelajar: Satu Tinjauan. Retrieved from [http://repo.uum.edu.my/427/1/Tang\\_Swee\\_Mei.pdf](http://repo.uum.edu.my/427/1/Tang_Swee_Mei.pdf)

Mohamed Hamdan Bin Mohamad Ibrahim  
Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail,  
84600 Pagoh, Johor, Malaysia  
Email: mohamim@gmail.com

Mohd Zamri Bin Mohd Zin  
Politeknik Bagan Datuk  
36400 Hutan Melintang, Perak, Malaysia  
Email: mohdzamri.mohdzin@gmail.com

Amin Zakuan Bin Mohamad Ibrahim  
Kolej Matrikulasi Pulau Pinang  
13200 Kepala Batas, Pulau Pinang, Malaysia  
Email: mohdzamri.mohdzin@gmail.com